

Tinjauan Literatur Penterjemahan Karya Sastera Arab dan Melayu

BITARAVolume 1, Issue 1, 2018: 021-032
© The Author(s) 2018
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Literature Review of Arabic and Malay Literary Works Translations]

Ijlal Saja,¹ Maheram Ahmad¹ & Suhaila Zailani¹

Abstrak

Penterjemahan karya sastera menjadi lesu dan kurang diberi perhatian oleh para penterjemah kerana dianggap begitu sukar dan rumit. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tema kajian lepas berkaitan bidang penterjemahan karya sastera Arab dan Melayu, di samping meneliti isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk tinjauan literatur. Pemerolehan data dilakukan secara analisis kandungan yang terdiri daripada tesis, disertasi, buku, artikel jurnal, kertas kerja, seminar dan makalah dalam prosiding. Data-data ini pula dianalisis secara tematik dan statistik deskriptif. Hasil kajian menunjukkan terdapat sebanyak 34 kajian berkaitan penterjemahan karya sastera Arab Melayu. Antara tema yang dikaji ialah dari sudut sejarah terjemahan di Timur Tengah, sejarah terjemahan di Barat, terjemahan dilakukan tanpa terikat, menolak terjemahan tiruan, teori dinamik, persamaan budaya, transposisi budaya, penterjemahan Arab-Melayu, sejarah penterjemahan sastera, kronologi al-Qur'an, biobibliografi, masalah analisis teks Melayu lama, masalah etnografi dan sosiolinguistik, kolokasi Arab, sistem panggilan, prosisi Arab, pragmatik, sumbangsih Nahmar Jamil, kata kerja, peribahasa, implisit dan eksplisit, prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya. Justeru, kajian ini mencadangkan bidang penterjemahan Melayu-Arab dijadikan korpus kajian yang memfokuskan isu masalah, pendekatan atau strategi yang boleh digunakan dalam penterjemahan karya sastera Melayu, terutama puisi dan sajak kepada bahasa Arab.

Kata Kunci

Penterjemahan, karya sastera, bahasa Arab, bahasa Melayu, tinjauan literatur

The literary work translation has become a tiresome job and given little attention by the translators because it is too complex and complicated. The goal of this research is to explore the theme of previous studies in the field of Arabic and French literary translation, as well as the issues that could be used as a new study in the future. This research is a qualitative analysis of the nature of a literature review. The collection of data is carried out through a content analysis consisting of theses, dissertations, books, journal articles, letters, seminars and letters in the proceedings. Such data are also analyzed using thematic and descriptive statistics. The findings showed that there were 34 studies on the translation of Arab Malay literary works. Among the themes studied are from a history of translation in the Middle East, the history of translation in the West, the translation is performed without any bound, the rejection of artificial translation, dynamic theory, cultural similarities, transposition of the culture, the Arabic-Malay translation, the history of literary translation, the chronology

¹Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author:

Maheram Ahmad, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Malaysia, Selangor, Malaysia.
E-mail: mhm@ukm.edu.my

of al-Quran, bibliography, analysis problems of old Malay text, ethnography and social problems, Arabic collocation, call system, Arabic proposition, pragmatic, the donation of Nahmar Jamil, verbs, idioms, implicit and explicit, lending procedures and sociocultural elements. Therefore, this research indicates that the field of Malay-Arabic translation is made corpus research that focuses on problems, solutions or techniques that can be used in the Malay translation of literary works, in particular poetry and poems into Arabic.

Keywords

Translation, literary, Arabic, Malay, review of the literature

Cite This Article:

Ijlal Saja, Maheram Ahmad & Suhaila Zailani. 2018. Tinjauan literatur penterjemahan karya sastera Arab dan Melayu. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 21-32.

Pengenalan

Dewasa ini penterjemahan dalam bidang sastera dilihat lesu, malap dan kurang perhatian dalam kalangan penterjemah dan orang luar. Munjit (2010) mengatakan, penterjemahan bidang karya sastera antara karya cukup sedikit untuk diterbitkan. Ini dikuatkan lagi oleh kajian Noorsyuhada dan Maheram (2013) yang menjelaskan berkenaan kekurangan kajian sastera di Malaysia sejak tahun 1995 hingga 2012. Terdapat sebanyak 23 buah karya Melayu sahaja diterjemahkan ke bahasa Arab dan diterbitkan. Tambahan pula, Haslina dan Melati (2015) mendakwa, hanya sejumlah 72 buah novel asing telah diterjemah dan diterbitkan ke bahasa Melayu.

Karya-karya ini dinilai martabatnya. Saranan mempergiat lagi aktiviti terjemahan karya sastera dan menambah baik hasil terjemahan daripada bahasa Melayu kepada bahasa asing, lama ditekankan oleh Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berbahagia Dato' Dr. Firdaus Abdullah dalam akhbar *Berita Harian* pada hari Isnin 15 Ogos 2005. Beliau menegaskan bahawa tumpuan usaha-usaha penterjemahan harus difokuskan kepada karya-karya klasik Melayu dan karya-karya utama semasa, ke dalam bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asing yang lain. Hal ini dapat memperluas tamadun, hati budi dan kreativiti bangsa Melayu kepada masyarakat luar (Mashitah 2005). Oleh itu, persoalannya:

1. Apakah tema kajian lepas berkaitan bidang penterjemahan karya sastera Arab dan Melayu?
2. Apakah isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang?

Objektif kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengkaji tema kajian lepas berkaitan bidang penterjemahan karya sastera Arab dan Melayu.
2. Meneliti isu yang boleh dijadikan kajian baru pada masa akan datang.

Metodologi

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan reka bentuk tinjauan literatur. Menurut Ahmad Munawwar dan Mohd Nor Shahizan (2014) menjelaskan *numerical* tidak berlaku dalam kajian kualitatif dan memfokuskan aspek penceritaan berkualiti yang tersusun daripada tema-tema yang diperolehi. Tetapi, Rosinah (2011) menyatakan analisis secara deskriptif boleh dilakukan. Pemerolehan data dilakukan secara kandungan terdiri daripada tesis, disertasi, buku, jurnal, kertas kerja, seminar prosiding dan laman sesawang. Ini bertepatan dengan Ahmad Munawwar dan Mohd Nor Shahizan (2014) menjelaskan pengumpulan data boleh didapati melalui penelitian terhadap literasi kepustakaan, literasi kesusastraan, manuskrip dan komunikasi menerusi media cetak, gambar atau visual penyiaran.

Data-data ini pula dianalisis secara tematik. Menurut Dawson (2002), apabila data dianalisis secara tema, ia dipanggil tematik dan sangat induktif. Induktif bermaksud tema datang daripada data dan tidak melibatkan pengkaji. Selain itu, data juga dianalisis secara deskriptif. Teknik statistik digunakan dalam jadual jumlah, peratusan dan kekerapan dan dipersembahkan melalui rajah. Menurut Ahmad Munawar dan Mohd Nor Shahizan (2014), analisis deskriptif dilakukan secara asas sahaja dalam kajian kualitatif.

Analisis Tematik Tinjauan Literatur

Awal kajian banyak dikemukakan mengenai sejarah kemunculan teori penterjemahan pada tahun 752M-1258M dalam kajian Anwar al-Rifa'i (1982), Shawqi (1996), Ahmad Shalabi (1997) dan Ahmad Amin (1976). Manakala pada tahun 1618-1700 pula telah muncul teori aliran terjemahan sastera yang radikal di Eropah oleh Abraham Cowley (Norizah et al. 2011) dan John Dryden (Sa'odah 1990). Seterusnya, lahir kajian Nida (1964) mengetengahkan teori dinamik, Newmark (1988) dengan persamaan budayanya dan Dickins, Hervey serta Higgins (2002) menjelaskan prosedur kaedah penterjemahan melibatkan unsur-unsur budaya. Manakala, kajian Mohd Hilmi (2008) dan Muhammad Firdaus dan Maheram (2015) mengetengahkan teori penterjemahan Arab Melayu.

Banyak kajian berkaitan terjemahan sastera telah dijalankan seiring terjemahan lain dari awal kelahiran gerakan penterjemahan iaitu pada zaman kerajaan Umayyah (661M-750M) sehingga kemuncaknya pada zaman ‘Abbasiyah (752M-1258M). Buku-buku dari bahasa Greek ke dalam bahasa Arab yang telah dilakukan oleh sarjana-sarjana Islam seperti Khalid ibn Yazid ibn Mu‘awiyyah (meninggal pada 85 H / 704 M), Ahrun ibn ‘Abtil Iskandarani, Masarjawyh, ‘Abd Allah ibn Muqaffa‘ (meninggal pada 142 H/759M), Yuhana ibn Masawih, Hunayn ibn Ishaq, Thabit ibn Qurrah dan Hujjaj ibn Matar (al-Rifa'i 1982; Shawqi 1996; Shalabi 1997; Ahmad Amin 1976).

Terdapat beberapa ideologi penterjemahan daripada bahasa Yunan kepada bahasa Suryani dan daripada bahasa Suryani kepada bahasa Arab. Ada dua kaedah yang digunakan dalam penterjemahan iaitu, dari segi lafadz diambil pendekatan Yuhana ibn Bitriq, ‘Abd al-Masih ibn Na‘imah al-Humasi dengan penterjemahan *harfiah*. Kedua, dari segi makna diambil pendekatan Hunayn ibn Ishaq bermaksud makna dijelaskan tanpa terikat dengan lafadz (Shawqi 1996).

Di barat pula, awal kemunculan kajian secara teoritikal aliran terjemahan sastera yang radikal di Eropah diperkenalkan oleh Abraham Cowley (1618-1667) pada kurun ke-17 dan ke-18. Mengikut teorinya, terjemahan dilakukan tanpa terikat asalkan terjemahan itu dapat mengekalkan semangat karya asal iaitu makna yang terkandung dalam teks sumber. Penterjemah juga boleh membuang atau menambah mengikut kesesuaianya sendiri. Penterjemah mestilah memastikan terjemahan itu merasai ketulenannya serta mudah dan bersahaja. Cowley juga telah mengkritik penterjemah yang menterjemah karya puisi berdasarkan teori kata demi kata. Beliau mengatakan kaedah tersebut akan menghilangkan keindahan yang terdapat dalam karya puisi atau prosa (Norizah et al. 2011).

Tetapi, John Drayden (1631-1700) kurang menyokong Cowley kerana merasakan beliau membuang dan menambah hasil terjemahan tanpa landasan malah di anggap tiruan. Tiruan dimaksudkan Drayden ialah menterjemah secara bebas dengan mengubah makna demi semangat karya asal (Sa'odah 1990).

Manakala kelahiran menambah baik teori sedia ada dalam bidang terjemahan sastera. Kajian Nida (1964) membincangkan pendekatan teori dinamik sesuai diterapkan dalam penterjemahan kreatif seperti cerpen dan novel kerana ciri-ciri bahasanya sukar difahami. Menurutnya, istilah dinamik menghasilkan empat kriteria yang perlu menjadi pegangan penterjemah, iaitu:

1. Keselarasan konteks pembaca sasaran lebih diutamakan daripada cara sesuatu maklumat dikemukakan atau keselarasan perkataan demi perkataan. Dua perkataan yang sama mungkin berlainan erti dalam konteks tertentu. Terjemahan mestilah menepati konteks.
2. Persamaan dinamik hendaklah diutamakan daripada keselarasan formal. Penerimaan pembaca yang ditekankan supaya pembaca teks asal dan teks terjemahan mengalami kefahaman, perasaan dan tindakan yang sama.
3. Bentuk-bentuk bahasa yang didengar hendaklah diutamakan lebih dahulu daripada bentuk bertulis. Dalam kes tertentu apabila teks itu akan lebih banyak didengar daripada dibaca sendiri dalam hati.
4. Keperluan pembaca sasaran hendaklah lebih diutamakan daripada bentuk bahasa. Ini akan membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pembaca teks terjemahan. Newmark (1988) pula memfokuskan persamaan budaya dalam penterjemahan sastera.

Persamaan budaya bermaksud, proses menggantikan perkataan daripada budaya bahasa sumber kepada perkataan budaya bahasa sasaran (Newmark 1988). Kaedah ini dikatakan terjemahan paling hampir kerana hasil terjemahan bukanlah persamaan perkataan budaya yang tepat. Antara lain, prosedur parafrasa digunakan apabila teks sumber tidak jelas (Newmark 1988). Penterjemah akan mengubah ayat asal bagi memastikan makna dapat dipindahkan sehampir yang mungkin. Selain itu, untuk menyelesaikan masalah kurang jelas maknanya dalam teks sumber, penterjemah disaran meletakkan nota kaki sebagai penerangan (Newmark 1988).

Hal ini disokong oleh kajian Dickins, Hervey dan Higgins (2002) dalam mengatasi masalah penterjemahan yang melibatkan budaya daripada bahasa Arab kepada bahasa Inggeris. Terjemahan transposisi budaya dikemukakan untuk menterjemahkan elemen budaya. Kajian ini menyenaraikan lima prosedur dengan dimulai dengan prosedur yang paling dekat dengan

bahasa sumber iaitu eksotisme, pinjam terjemah, pinjaman budaya, terjemahan komunikatif sehingga kepada kecenderungan terkuat ke arah bahasa sasaran dan pemindahan budaya.

Namun begitu, kajian Mohd Hilmi (2008) serta Muhammad Firdaus dan Maheram (2015) dalam jurnal pengajian Islam pula, menjelaskan keseluruhan teori-teori penterjemahan Arab Melayu. Kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan penterjemahan daripada bahasa Arab kepada bahasa Melayu dalam bidang sastera. Kajian ini membandingkan antara teori penterjemahan Arab Melayu yang digunakan pakai oleh penterjemah. Hasil kajian menunjukkan terdapat dua kategori penterjemahan terdiri daripada teori penterjemahan langsung iaitu semantik, formal, relevan, *harfiyyah*, literal. Manakala kategori kedua ialah teori penterjemahan tidak langsung yang terdiri daripada komunikatif, dinamik, bebas dan idiomatik. Setiap teori dianalisis dengan menyatakan kelebihan dan kekurangannya serta kesesuaianya. Contoh-contoh yang diberikan juga jelas lebih dapat difahami bagaimana setiap teori digunakan. Kajian ini tidak dinafikan begitu penting kepada penganalisis terjemahan teks dan penterjemah dalam melakukan proses penterjemahan terhadap teks-teks tertentu semasa memilih kaedah yang sesuai.

Kajian-kajian ini membuktikan bahawa penggunaan teori-teori ini telah diterima pakai oleh ramai pengkaji dalam penterjemahan karya sastera. Ini juga menunjukkan bahawa walaupun masalah-masalah penterjemahan unsur budaya berlaku, namun dengan adanya asas dan panduan teknik penterjemahan karya sastera ini, sedikit sebanyak membantu penterjemah mengurangkan kesilapan-kesilapan yang timbul. Malah tidak dinafikan hasil terjemahan juga memberi kesan kepada pembaca. Namun begitu, kajian-kajian ini hanyalah secara teoritikal dan bukanlah secara praktikal.

Manakala, kajian lepas berkaitan munculnya aktiviti penterjemahan berkembang kepada karya sastera Arab-Melayu-Arab di Malaysia yang telah dilakukan oleh Ismail Yusoff (1995), Anon (2007), Arba'iyah (2011), Faisal (2011). Manakala kajian Stefan (2015), Noureldin dan Sabariah (2015) memfokuskan penterjemahan al-Qur'an. Bidang penterjemahan karya sastera Arab-Melayu-Arab terus dilakukan penyelidikan dengan adanya kajian Muhammad Bukhari (t.th), Maheram (1997), Suhaila (2003 2006a 2006b), Maheram (2008), Saifullah (2010), Munif Zariruddin dan Mohd Shabri (2011), Muhammad Luqman Ibnul Hakim (2012), Muhammad Fauzi (2003), Maheram (2011), Suhaila (2013), Mohd Zaki, Ahmad Arifin dan Maheram (2013), Nurulhanis (2014), Syed Nurul Akla (2015a 2015b) dan Idris (2015).

Perkembangan aktiviti penterjemahan sastera juga dapat dilihat melalui ciri-ciri Islam yang terdapat di dalam novel, cerpen, sajak, pantun dan sajak. Kaitannya, kajian ilmu agama menapak sejak para ulama kembali ke Malaysia setelah mereka tamat pengajian di Mesir, Mekah, India dan Patani (Ismail Yusoff 1995). Kajian Arba'iyah (2011) jelas menyokong kenyataan ini dengan mengatakan bahawa pengajian sejarah adalah melalui kisah-kisah dalam al-Qur'an. Kemudian akhirnya kisah al-Qur'an ini diterjemahkan kepada bahasa Melayu mengikut naluri dan pemahaman mereka untuk memeluk Islam. Ada karya berbentuk pantun, syair dan puisi yang mengandungi cerita kisah di dalam al-Qur'an. Namun begitu, kajian Faisal (2011) menceritakan mengenai sejarah kegiatan penulisan penterjemahan sastera bermula sejak sebelum merdeka lagi dengan adanya terbitan *al-Islami* dan *Seruan Al-Azhar*. Di dalam terbitan ini mengandungi ruang karya terjemahan Arab-Melayu yang merangkumi pengetahuan am dan novel seperti *Asyik dan Masyuk* oleh Syeikh al-Hadi dan *Cerita-cerita Rokambul* yang disiarkan dalam akhbar *Saudara* pada awal 1930-an (Anon 2007).

Selain itu, kajian awal penterjemahan sastera Islam dapat dilihat melalui kajian penterjemahan al-Qur'an daripada bahasa Arab kepada bahasa asing (Stefan 2015; Noureldin & Sabariah 2015). Kajian ini mendalamai kronologi penterjemahan al-Qur'an ke bahasa asing. Penterjemahan al-Qur'an dikatakan penterjemahan sastera kerana melibatkan banyak istilah-istilah kiasan, metafora, tamsil dan *ijaz* yang memerlukan penterjemahan terperinci dan khusus. Daripada sini, ilmu balaghah diperlukan untuk menterjemah dan menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an. Kajian ini juga mendalamai kronologi penterjemahan al-Qur'an ke bahasa Cina sehingga pada masa kini.

Rentetan kajian ini juga dapat dilihat kitab-kitab agama mula diterjemah serta diterbitkan dan mula dijadikan sebagai suatu kajian akademik yang lebih khusus. Menurut Muhammad Bukhari (t.th) dalam kajian bibliografi awal, terdapat 186 bibliografi terjemahan kitab Arab-Melayu yang berunsur agama dan 32 dijadikan latihan ilmiah. Ini termasuklah antara terjemahan puisi dan sajak Arab-Melayu berunsur agama seperti terjemahan bertajuk '*Pancasuara: Himpunan Sajak Arab Klasik dan Moden*'. Selain itu, terjemahan '*Adab ad-Dunya wa Ad-Din*'. Manakala hanya satu sahaja terjemahan antologi puisi dan sajak dari bahasa Melayu kepada bahasa Arab bertajuk '*Manifestasi*'.

Kajian karya sastera terus bertapak sehingga ke peringkat sarjana di institusi pengajian tinggi dengan adanya kajian Maheram (1997) dalam tesis sarjana. Kajian ini membincangkan mengenai teks-teks Melayu lama mengenai selok-belok terjemahan bahasa Arab kepada bahasa Melayu. Manuskrip-manuskrip lama daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu dijadikan sebagai korpus kajian yang didapati di beberapa perpustakaan-perpustakaan. Kemudian pemerhatian dilakukan terhadap terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah asal secara deskriptif. Data yang didapati pula menggunakan analisis linguistik. Dua pendekatan digunakan iaitu pendekatan Nik Safiah Karim (1989) dan Leech & Short (1989) terhadap kajian laras-laras. Kajian ini juga banyak menyumbang kepada bidang penterjemahan secara keseluruhan termasuklah sejarah kewujudan aktiviti penterjemahan pada zaman awal dan tokoh-tokohnya.

Suhaila (2003; 2006a; 2006b) dalam tesis sarjana, kertas kerja dan bukunya pula mengkaji tentang masalah etnologi dan sosiolinguistik dalam penterjemahan *Hikayat Alf laylah wa laylah*. Dapatan kajian membuktikan bahawa pengetahuan sosiolinguistik dan etnologi sangat diperlukan bagi menangani masalah kelainan budaya dan sistem linguistik dua bahasa yang terlibat. Penggunaan kata ganti nama diri dan sistem gelaran yang menepati sosiolinguistik bahasa sasaran juga didapati antara sebab sesuatu terjemahan itu diterima dengan baik oleh pembaca sasaran. Kajian juga turut mendapati bahawa penterjemah mempunyai dua kecenderungan apabila berhadapan dengan masalah budaya, iaitu menterjemah secara literal atau meminjam perkataan Arab kemudian mengubahnya mengikut sebutan Melayu.

Ini juga sealiran dengan kajian doktor falsafah Saifullah (2010) membahaskan mengenai kolokasi dalam bahasa Arab dengan mengkategorikannya secara nahu dan semantik serta pengetahuan untuk mengenali pola-polanya. Kajian ini juga mengenal pasti masalah-masalah yang muncul ketika menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Korpus kajian yang digunakan ialah *Tafsir fi Zilal al-Qur'an* berserta terjemahannya dalam bahasa Melayu. Kolokasi bahasa Arab tidak semestinya terletak dalam posisi yang berdampingan atau berhampiran sebagaimana yang terdapat dalam bahasa lain. Malah ada beberapa ungkapan seperti idiom, ungkapan tetap dan peribahasa sangat erat kaitannya dengan budaya. Perkara-perkara inilah yang akan menjadi masalah dalam penterjemahan Arab-Melayu. Oleh demikian,

beliau mengemukakan strategi yang boleh digunakan penterjemah untuk mengatasinya. Dapatan kajian terpenting dalam penyelidikan ini ialah: (1) Kolokasi Binaan Ma + Min, (2) Kolokasi Frasa Sendi, (3) Kolokasi Kata Nama + Frasa Sendi, (4) Kolokasi Kata Nama Mufrad + Kata Sendi Nama + Kata Nama Jamak, dan (5) Kolokasi Partikel Amma + Fa. Analisis terjemahan pola-pola kolokasi tersebut mendapati, bahawa terjemahan harfiah sama ada dalam terjemahan Melayu-Malaysia atau Melayu-Indonesia. Beberapa terjemahan harfiah muncul sebagai akibat dari ketiadaan pengetahuan penterjemah tentang kolokasi, struktur dan penggunaannya dalam bahasa sumber.

Walau bagaimanapun, kajian Munif Zariruddin dan Mohd Shabri (2011) pula menyelami bidang terjemahan dari sudut sistem panggilan dalam Tafsir Pimpinan Ar-Rahman dalam persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13. Analisis dilakukan terhadap jarak sosial individu-individu dalam wacana, padanan terjemahan Arab-Melayu, dan kesesuaian terjemahan dengan konteks masyarakat Melayu dari segi kehalusan dan kesopanan. Sampel data yang dipilih seperti dialog Nabi Ibrahim AS. dengan ayahandanya dan anakandanya yang terdapat sistem panggilan dalam bahasa Melayu setelah diterjemahkan. Selepas dianalisis, artikel ini menunjukkan, terdapat sejumlah kecil terjemahan yang tidak menepati konteks kehalusan dan kesopanan masyarakat Melayu, walaupun padanan terjemahan harfiah sangat sepadan.

Begitu juga tesis sarjana dalam bahasa Arab oleh Muhammad Luqman (2012) membincangkan analisis deskriptif dan semantik terhadap preposisi Arab iaitu، من، إلی، عن، علی، الباء، اللام dalam novel *Masrur dan Makrur* yang diterjemahkan ke bahasa Melayu. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti strategi dan gaya bahasa yang digunakan untuk menterjemahkannya serta menganalisis makna, fungsi semantik pada frasa verbal (kolokasi dan idiom). Teori Dinamik, Semantik dan Komunikatif di samping Teori Relevan telah digunakan sebagai asas kepada penganalisan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa preposisi Arab dan Melayu mempunyai kategori tatabahasa, dan tidak dapat diterjemahkan secara leksikal, sebaliknya perlu kembali kepada struktur ayat, sintaksis, peraturan tatabahasa dan aspek semantik dalam konteks situasi yang sesuai kerana tidak memberikan makna melainkan jika digunakan dengan gabungan frasa yang lain.

Tetapi, berlainan sedikit kajian doktor falsafah Muhammad Fauzi (2003) yang menggunakan pendekatan pragmatik yang sama tetapi menggabungkan teori semantik dan pragmatik untuk melihat peranan pragmatik terutamanya terjemahan bahasa firugatif novel sastera bertajuk *Masrur dan Makrur* terjemahan oleh Nahmar Jamil. Pengarang asalnya, Ihsan ‘Abd al-Quddus. Kajian bersifat teoritikal ini menggunakan Teori Relevan yang diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson sebagai tunjang kajian Muhammad Fauzi. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan bahasa firugatif dalam novel yang dikaji terdiri daripada simpulan bahasa (84 kali), metafora (17 kali), simile (38 kali), ironi (9 kali), hiperbola (13 kali) dan personifikasi (60 kali). Oleh itu, ilmu pragmatik dan teknik penterjemahan langsung sesuai diaplikasikan dalam penterjemahan Arab-Melayu.

Namun begitu, Maheram (2011) menjelaskan daripada sudut yang lain terhadap Novel *Masrur dan Maqrur* dalam prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN). Kajian mendapati bahawa, terjemahan yang dilakukan Nahmar Jamil merupakan terjemahan harfiah atau terjemahan komunikatif iaitu terjemahan yang berfungsi untuk memudahkan pembaca sasaran memahami teks terjemahan tanpa perlu bersusah payah. Selain itu, penterjemah juga cuba

berusaha untuk membuat para pembaca sasaran merasai kesan mendalam sebagaimana pembaca sumber merasainya. Di samping itu, kajian ini juga menyenaraikan beberapa terjemahan makna yang tidak tepat dengan menghasilkan hasil penterjemahan baru.

Aspek kata kerja pula disentuh dalam kajian doktor falsafah Suhaila (2013). Kajian ini menghuraikan penterjemahan kala kata kerja, kata kerja bantu dan modus daripada bahasa Arab kepada Bahasa Melayu. Novel *Al-Ayyam* dijadikan korpus untuk mendapatkan data-data. Walaupun analisis kajian ini terdapat perangkaan dan peratusan, namun kajian bersifat kualitatif ini dianalisis dengan mengambil beberapa langkah iaitu mengelaskan data dahulu kepada kata kerja, kata kerja bantu dan modus, kemudian mengaplikasikan pendekatan nahu kontrasif dengan menghuraikan tatabahasa serta struktur kata kerja. Selain itu juga, membincangkan cara ungkapan kala dengan membuat perbandingan sama ada mempunyai persamaan atau perbezaan antara dua bahasa tersebut. Rumusan daripada kajian ini, prosedur ekspansi dengan menambah atau menggugurkan satu atau dua kata sesuai dijadikan asas dalam penterjemahan sastera. Novel juga tidak terikat dengan ruang serta bilangan kata atau rima yang sama berbanding puisi. Manakala transposisi amat sesuai dengan penterjemahan karya sastera kerana pengubahan struktur subjek-predikat (S-P) kepada predikat-subjek (P-S) dibenarkan. Walaupun ada mengatakan ia songsang dalam bahasa Melayu tetapi penterjemahan seperti ini banyak digunakan dalam novel-novel. Cadangan memperbanyakkan latihan pelajar dapat membantu melahirkan penterjemah-penterjemah profesional.

Kajian berikutnya berdasarkan sebuah artikel oleh Mohd Zaki, Ahmad Arifin dan Maheram (2013) yang menggunakan sebuah karya terjemahan cerpen Arab yang bertajuk *Layl al-Hayara* yang termuat dalam sebuah himpunan cerpen karangan Najib al-Kailani. Korpus yang dipilih sebagai sampel ialah *Kasih dan Harapan* yang diterjemahkan oleh Sohair Abdel Moneim Sery dan Syarifah Ruslailah Syed Ali dan diterbitkan oleh Pustaka Antara Sdn. Bhd. Pada tahun 1995. Pemilihan sampel dibuat secara rawak. Dalam kajian ini, hanya lima unit sampel telah dianalisis. Hasil kajian menunjukkan bahawa, penterjemah menggunakan kaedah penterjemahan harfiah atau literal dan juga kaedah penterjemahan kata demi kata (katawi) untuk menterjemahkan peribahasa tersebut. Penterjemahan ungkapan yang berbentuk peribahasa agak kurang memuaskan. Hal ini kerana ada antara peribahasa yang diterjemahkan itu kedengaran agak kekok dan janggal, dan ada yang tidak dapat menyampaikan maksud asal secara tepat. Sehubungan dengan itu, kajian ini hanya memperlihatkan persamaan dari segi objektif iaitu menganalisis strategi penterjemahan peribahasa.

Manakala melalui tesis sarjana yang ditulis Nurulhanis (2014) membincangkan mengenai penterjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis strategi penterjemahan peribahasa Melayu ke bahasa Arab daripada sebuah *Kamus Peribahasa Melayu-Arab-Inggeris* yang dijadikan sebagai data kajian. Pemilihan sampel adalah jenis pensampelan bertujuan kerana hanya memfokuskan kepada 60 ungkapan peribahasa Melayu berunsur haiwan sahaja. Proses menganalisis strategi penterjemahan peribahasa adalah berlandaskan lima jenis Taksonomi Larson (1984). Hasil kajian mendapati strategi penterjemahan yang kerap digunakan oleh penterjemah ialah strategi ketiga iaitu menggantikan peribahasa Melayu dengan peribahasa Arab yang mempunyai maksud yang sama dengan jumlah 47 kali (52.98%) dan juga terdapat satu strategi baru yang terhasil daripada analisis strategi. Manakala dari segi ketepatan padanan maksud, terdapat 15 peribahasa Arab (17%) yang tidak menepati padanan maksud peribahasa Melayu. Penggunaan strategi ketiga

menunjukkan jumlah tertinggi bagi jawapan yang betul iaitu 19 (79%) menandakan bahawa strategi ketiga, Newmark (1992) sangat sesuai digunakan untuk menterjemahkan peribahasa.

Kajian terbaru, Syed Nurul Akla (2015a; 2015b) mengkaji dalam tesis doktor falsafahnya mengenai penterjemahan buku *Rihlah Ibn Batutah* ke dalam Bahasa Melayu. Kajian ini memfokuskan analisis makna implisit dan eksplisit yang terdapat dalam 149 set dialog daripada keseluruhan buku. Selain itu, kajian ini meneliti pengaruh budaya dalam penterjemahan dan mengenal pasti strategi yang digunakan oleh penterjemah untuk menangani kesukaran penterjemahan bentuk makna implisit dan eksplisit tersebut. Kajian ini merupakan kaedah penyelidikan kualitatif melibatkan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual berlandaskan pendekatan pengeksplisitan. Dengan menggunakan perisian *Atlas. ti* sebagai pengekodan data, hasilnya menunjukkan bahawa faktor budaya mempengaruhi pengeksplisitan dan pengimplisitan malah juga didorong dengan lebih tinggi oleh faktor agama, ciri retorik bahasa Arab (Balāghah), leksiko-tatabahasa, pragmatik, pilihan komunikasi dan nilai kesantunan bahasa sasaran serta strategi komunikasi dialog itu sendiri.

Manakala Idris (2015) berlainan pandangan dalam jurnalnya, meneliti pengaruh sosiobudaya dalam *Rihlah Ibn Batutah* dengan pemilihan prosedur peminjaman sebagai pendekatan utama untuk menterjemahkan elemen-elemen budaya. Hasil kajian menunjukkan bahawa, perkataan keagamaan sebanyak 46.6% telah digunakan, manakala butiran makanan dan minuman sebanyak 20.7%. dan butiran pakaian pula sebanyak 23.9%. Ini menunjukkan faktor sosio-budaya yang didapati terdiri daripada status bahasa Arab di Malaysia, polisi bahasa kebangsaan terhadap peminjaman perkataan asing, kemasyhuran teks sumber, latar belakang para penterjemah, dan fungsi teks sumber dan teks sasaran.

Ini menunjukkan bahawa kebanyakan kajian-kajian lepas berkecenderungan untuk menilai terjemahan sesuatu teks sastera dan mula membandingkan kesesuaian antara teori-teori yang telah sedia ada diasaskan oleh kajian terdahulu. Terdapat juga kajian lepas mendatangkan cadangan terjemahan yang baru dalam kajian-kajian mereka. Namun begitu, kajian-kajian ini bukanlah dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan jenis teks sastera. Malah pendekatan dan teknik penterjemahan berubah-ubah mengikut teks asal.


Analisis Deskriptif

Kajian ini dianalisis juga secara deskriptif iaitu nilai kekerapan, peratus dan jumlah dalam bentuk Jadual 1 dan Rajah 1.

JADUAL 1 Jumlah Kekerapan dan Peratus Tema Kajian Mengikut Berdasarkan Pemerolehan Data

Tema	PHD	MA	Jurnal	K. Kerja / Seminar	Buku	Jumlah	%
Penterjemahan karya sastera Arab dan Melayu	4	4	11	4	11	34	100

RAJAH 1 Peratus kajian mengikut jenis kajian



Berdasarkan jadual 1 dan rajah 1, dapat dilihat kajian peringkat jurnal dan buku paling tinggi dengan jumlah 11 (32%) kajian. Manakala kajian paling kurang atau sedikit pada peringkat doktor falsafah, sarjana dan kertas kerja atau seminar dengan jumlah 4 (12%). Keseluruhan jumlah sebanyak 34 kajian.

Hasil Dapatan Kajian

Bagi menjawab persoalan pertama, antara tema kajian lepas yang dikaji adalah berkaitan dengan aspek sejarah terjemahan di timur tengah, sejarah terjemahan di barat, terjemahan dilakukan tanpa terikat, menolak terjemahan tiruan, teori dinamik, penterjemahan persamaan budaya, transposisi budaya, teori penterjemahan Arab Melayu, sejarah penterjemahan karya sastera, kronologi al-Qur'an, biografi, masalah analisis teks Melayu lama, masalah etnografi dan sosiolinguistik, masalah penterjemahan Arab Melayu, kolokasi Arab, sistem panggilan, prosisi Arab, pragmatik, sumbangaan Nahmar Jamil, kata kerja, peribahasa, implisit dan eksplisit, prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya. Selain itu, merujuk kepada hasil dapatan kajian, menunjukkan bahawa jumlah 34 kajian masih belum dikatakan tinggi atau banyak, lebih-lebih lagi kajian pada peringkat doktor falsafah, sarjana atau seminar juga masih kurang.

Kesimpulan

Melalui hasil dapatan yang telah dihuraikan, terdapat kelompongan dan masih kurang lagi kajian yang membincangkan secara terperinci mengenai penterjemahan daripada bahasa Melayu ke bahasa Arab dan perkara inilah yang boleh dijadikan kajian pada masa akan datang. Justeru, bagi menjawab persoalan kedua, dicadangkan supaya memfokuskan kepada isu masalah, pendekatan atau strategi yang boleh digunakan untuk menterjemahkan karya sastera terutamanya puisi. Kesimpulannya, Dengan adanya kajian seperti ini, maka dapatlah menolak tanggapan bahawa bidang penterjemahan merupakan bidang kajian yang lesu dan malap. Oleh itu, kajian diharap dapat memberi sumbangan baik kepada pelajar-pelajar yang mengambil kursus terjemahan khususnya, dan dapat menarik minat penterjemah di dalam terjemahan teks-teks sastera. Implikasinya, kajian bidang terjemahan Melayu-Arab kian berkembang maju seiring bidang yang lain. Cadangan kajian masa datang boleh dinilai daripada aspek penterjemahan karya sastera lain secara terperinci seperti puisi, cerpen, atau pantun.

Penghargaan

Penghargaan kepada bahagian biasiswa myBrain15, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana menaja penyelidikan ini. Kajian ini turut dibiayai oleh Geran Penyelidikan GGPM-2013-016 dan GUP-2015-016.

Rujukan

- Abu Khalil, Shawqi. 1996. *al-Hadarah al-'Arabiyyah al-Islamiyyah*. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Ahmad Munawar Ismail & Mohd Nor Shahizan Ali. 2014. *Kaedah Penyelidikan Sosial daripada Perspektif Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia
- Amin, Ahmad. 1976. *Dhuha Al-Islam II: Mengkaji tentang Gerakan Ilmiah pada Zaman Permulaan Kerajaan Abbasiyah*. Terj. Osman Khalid. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arba'iyah Mohd Noor. 2011. Perkembangan pensejarahan Islam di Alam Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun* 6: 29-50.
- Dawson, C. 2002. *Practical Research Methods A User-Friendly Guide to Mastering Research*. Oxford: How To Books.
- Dickins, J., Hervey, S. & Higgins, I. 2002. *Thinking Arabic Translation A Course in Translation Method Arabic to English*. London and New York: Routledge.
- Faisal Ahmad Shah. 2011. Sumbangan Syeikh Mohamed Idris al-Marbawi dalam penentuan identiti perawi: Tumpuan kepada kitab *Bahr al-Madhi*. *Jurnal Hadis* 1(1): 11-34.
- Haslina Haroon & Melati Abdul Majid. 2015. The translation of foreign novels into Malay by Dewan Bahasa dan Pustaka. *Malay Literature* 28(1): 126-156.
- Idris Mansor. 2015. Prosedur peminjaman dan elemen sosiobudaya dalam terjemahan *Rihlat Ibn Battutah*. *Kajian Malaysia* 33(2): 61-81.
- Ismail Yusoff. 1995. Perkembangan dan penulisan kitab-kitab tafsir di Malaysia. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajaran Islam* 16: 19-32.
- Jaimah Abdul Manaf & Ramly Abu. 2007. *BMM3112 Perterjemahan Bahasa Melayu: Sejarah, Teori, dan Pendekatan*. Cyberjaya: Institut Pendidikan Guru.
- Maheram Ahmad. 1997. Terjemahan Arab-Melayu dalam teks-teks Melayu lama: Satu kajian di sudut terjemahan. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maheram Ahmad. 2008. Permasalahan penterjemahan Arab-Melayu: Satu analisis teks sastera. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Maheram Ahmad. 2011. Nahmar Jamil dan sumbangannya dalam bidang penterjemahan Arab-Melayu di Malaysia. Dlm. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Hlm. 249-257.
- Mashitah Taharin. 2005. Peranan penterjemahan dalam pembangunan Negara Bangsa. *Berita Harian* 15 Ogos: 1.
- Mohd Hilmi Abdullah. 2008. *Teori & Kaedah Penterjemahan Arab-Melayu*. Kota Bharu: Pustaka Hilmi.
- Mohd Zaki Abd Rahman, Ahmad Arifin Sapar & Maheram Ahmad. 2013. Analisis strategi penterjemahan peribahasa Arab-Melayu terhadap teks *Kasih dan Harapan*. *Online Journal of Islamic Education* 1(2): 1-9.
- Muhammad Bukhari Lubis. 1984. Terjemahan buku Arab ke bahasa Malaysia satu bibliografi awal. *Islamiyyat: Jurnal Antarabangsa Pengajaran Islam* 5: 31-47.
- Muhammad Fauzi Jumingan. 2003. Penterjemahan bahasa firugatif Arab-Melayu: Satu analisis teori Relevan. Tesis Doktor Falsafah. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Firdaus Abdul Manaf & Maheram Ahmad. 2015. Perbandingan teori penterjemahan Arab-Melayu. *Jurnal Pengajaran Islam* 8(2): 191-210.

- Muhammad Luqman Ibnu Hakim. 2012. Strategi penterjemahan kata sendi nama Arab ke Bahasa Melayu: Satu analisis deskriptif dan semantik dalam novel '*Masrur dan Makrur*'. Disertasi Sarjana. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Munif Zariruddin Fikri Nordin & Mohd Shabri Yusof. 2011. Sistem panggilan dalam terjemahan Arab-Melayu: Analisis *Tafsir Pimpinan ar-Rahman*. Dlm. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-13: Globalisasi Melalui Terjemahan: Pemangkin Kecemerlangan Ilmu dan Teknologi*, Hlm. 743-765.
- Munjit Mustafa Bahjat. 2014. Kata pendahuluan penyunting terjemahan. Dlm. Kemala (pnyt.). 'Ayn, hlm. xxvi-xxxi. Kuala Lumpur: ITNM.
- Newmark, P. 1988. *A Textbook of Translations*. Hemel Hempstead: Prentice Hall.
- Nida, E.A. 1964. *Toward a Science of Translating: With Special Reference to Principles and Procedures Involved in Bible Translating*. Leiden: E.J. Brill.
- Noorsyuhada Mohamed Salleh & Maheram Ahmad. 2013. Tinjauan literatur penterjemahan novel Melayu ke bahasa Arab. Dlm. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam 2013* Hlm.: 597-605
- Norizah Ardi. 2011. *Asas dan Kemahiran Menterjemah*. Ampang: August Publication.
- Noureldin M.A., & Sabariah M.R. 2015. Semantic loss in the holy Qur'an translation with special references to surah al-Waqia (Chapter of the event inevitable). *SAGE Open*: 1-10.
- Nurulhanis Ibrahim. 2014. Analisis Strategi Penterjemahan Peribahasa Melayu ke bahasa Arab. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- al-Rifa'i, Anwar. 1982. *al-Islam fi Hadaratih wa Nuzumihi*. Dimashq: Dar al-Fikr.
- Rosinah Edinin. 2011. *Penyelidikan Tindakan Kaedah dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizon Sdn. Bhd.
- Sa'odah Abdullah. 1990. Yang literal dan yang dinamik dalam kaedah penterjemahan. *Pelita Bahasa Mac*: 40-41.
- Saifullah Kalamie. 2010. Masalah penterjemahan kolokasi Bahasa Arab ke Bahasa Melayu: Satu kajian teks tafsir. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Shalabi, Ahmad. 1997. *Sejarah dan Kebudayaan Islam*. Terj. Muhammad Labib Ahmad. Jakarta: Pustaka Al-Husna Zikra.
- Stefan, H. 2015. God's translator: Qur'an translation and the struggle over a written national language in 1930s China. *Modern China* 41(6): 631-655.
- Suhaila Zailani @ Ahmad. 2003. Masalah etnologi dan sosiolinguistik dalam penterjemahan *Alf Laylah wa Laylah*. Disertasi Sarjana. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Suhaila Zailani @ Ahmad. 2006a. Hikayat *Alf laylah wa laylah*: penterjemahan dan pengaruhnya terhadap filem-filem Melayu. *Prosiding Simposium Tamadun Islam Abad Pertengahan*, hlm. 105-115.
- Suhaila Zailani @ Ahmad. 2006b. Penterjemahan *Alf Laylah wa Laylah* (Seribu Satu Malam). Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Suhaila Zailani @ Ahmad. 2013. Penterjemahan kala kata kerja, kata kerja bantu dan modus daripada bahasa Arab kepada Bahasa Melayu dalam Novel *al-Ayyam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Syed Nurulakla Syed Abdullah. 2015a. Analisis makna implisit dan eksplisit dalam penterjemahan buku *Rihlah Ibn Batutah* ke Bahasa Melayu. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya.
- Syed Nurulakla Syed Abdullah. 2015b. Pengimplisitan makna dalam penterjemahan buku '*Rihlah Ibn Batutah*' ke dalam Bahasa Melayu. *The e-Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 2(1): 1-36.